

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Pembayar Cukai yang telah menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan selepas tarikh akhir yang ditetapkan iaitu 30 April 2010 bagi Borang BE dan 30 Jun 2010 bagi Borang B akan menerima Notis Taksiran beserta penalti lewat hantar borang.

LHDNM akan menghantar Notis Taksiran tersebut kepada mereka melalui pos.

Pembayar cukai yang menerima notis ini dinasihatkan untuk menghubungi **Pusat Khidmat Pelanggan LHDNM di talian 1-300-88-3010** atau **berhubung terus dengan cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai mereka** sekiranya mempunyai sebarang kemusykilan dan pertanyaan.

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	16 Julai 2010
Nombor Telefon	:	03-6203 1380
Nombor Faks	:	03-6201 2434
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my